

FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



**UNIVERSITY MALAYA
KUALA LUMPUR**

Perpustakaan SKTM

SISTEM PENGURUSAN KULIAH

oleh

**SATIAPRIYA A/P SUGUMARAN
WEK 000139**

Di bawah seliaan

EN.ZAIDI RAZAK

SESI 2002/2003

Sebahagian dari keperluan ijazah Sarjana Muda Sains Komputer.

Kandungan

Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Senarai isi kandungan	iv
Senarai jadual	v
Senarai rajah	vi
Bab 1 Pengenalan	1
1.0 DEFINASI PROJEK	1
1.1. KEPENTINGAN PROJEK	2
1.2. OBJEKTIF	3
1.3. SKOP	3
1.4. SASARAN	3
1.5. SKEDUL PROJEK	3
1.6. RANCANGAN KAJIAN	6
1.7. JANGKAAN HASIL	6
Bab 2 Kajian Literasi	7
2.0 PENGENALAN	7
2.0.1 KEPENTINGAN MULTIMEDIA	8
2.0.2 PERALATAN PEMBANGUNAN SISTEM	11
2.0.3 KAJIAN TERHADAP PAKEJ SEDIA ADA	13
2.0.4 INTERAKSI MANUSIA DENGAN KOMPUTER	25
2.0.5 PENGAJARAN-PEMBELAJARAN BANTUAN KOMPUTER.	28
2.1 SUMBER MAKLUMAT BAGI KAJIAN LITERASI	32
2.1.1 INTERNET	33
2.1.2 WORLD WIDE WEB	38

2.1.3	APLIKASI WEB	42
2.2	PERTIMBANGAN DALAM PEMBINAAN SISTEM	44
2.2.1	KAJIAN TERHADAP DOMAIN	29
2.2.2	FAEDAH WEB	49
2.9.3	CGI	32

Bab 3 Metodologi

3.0	Pengenalan	51
3.1	Metodologi	
3.1.1	Model Air Terjun	51
3.1.2	Kelebihan Model Air Terjun	55
3.2	Teknik Penyelesaian Masalah	
3.2.1	Borang Soal Selidik	56
3.2.2	Penggunaan Interne	58
3.2.3	Buku dan Rujukan	60
3.2.4	Laporan Latihan Ilmiah Lepas	61

Bab 4 Analisis sistem

4.0	Pengenalan	62
4.1	Analisis Keperluan Fungsian	62
4.2	Keperluan Bukan Fungsian	65
4.3	Keperluan Sistem dan Perisian	
4.3.1	Sistem Pengendalian	67
4.3.2	Bahasa Pengaturcaraan	68
4.3.3	Pelayan Web	74
4.3.4	Pemilihan Perisian	74
4.4	Keperluan Perkakasan	
4.4.1	Persekitaran Pembangun	82
4.4.2	Persekitaran Pengguna	82

Bab 5 Rekabentuk Sistem

5.0 PENGENALAN	84
5.1 REKABENTUK SKRIN	84
5.2 REKABENTUK SISTEM	89
5.3 ALIRAN PROGRAM	89
5.3.1 RAJAH ALIRAN DATA	89
5.3.2 MODEL PERHUBUNGAN ENTITI	91
5.4 MODUL-MODUL SISTEM	93
5.4.1 CARTA HIERARKI	95

Bab 6 Pembangunan Sistem

6.0 PENGENALAN	98
6.1 PEMBANGUNAN SISTEM	99
6.2 PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA	99
6.3 PEMBANGUNAN MODUL	100
6.3.1 BAHASA PENGATURCARAAN	100
6.3.2 PEMBANGUNAN DAN ANIMASI	101
6.3.3 KEMASUKAN AUDIO DAN BUNYI	102
6.4 DOKUMENTASI SISTEM	102
6.5 RINGKASAN	102

Bab 7 Pengujian Sistem

7.0 PENGENALAN	103
7.1 JENIS-JENIS PENGUJIAN	104
7.1.1 PENGUJIAN UNIT	104
7.1.2 PENGUJIAN MODUL	105
7.1.3 PENGUJIAN INTEGRASI	105
7.1.4 PENGUJIAN SISTEM	106
7.1.5 PENGUJIAN PENGGUNA	107
7.3 FASA PENYELENGGARAAN	108
7.4 RINGKASAN	108

Bab 8 Perbincangan

8.0 PENGENALAN	109
8.1 MASALAH MASALAH	109
8.1.1 PENGETAHUAN YANG TIDAK MENCUKUPI	109
8.1.2 FAIL-FAIL YANG BESAR	110
8.1.3 KONSEP PANGKALAN DATA	110
8.2 KEKUATAN SISTEM	110
8.2.1 MESRA PENGGUNA	111
8.2.2 SKRIN MENARIK	111
8.2.3 PENGHANTARAN TUGASAN	111
8.2.4 PENGURUSAN KULIAH BAGI PENSYARAH	111
8.2.5 KEMUDAHAN BAGI PELAJAR FSKTM	112
8.3 KELEMAHAN SISTEM	112
8.3.1 DARI SEGI TEKS, AUDIO,ANIMASI	112
8.3.2 TIADA LAMAN KHAS UNTUK ADMIN	112
8.3.3 PENGGUNAAN PAPAN KEKUNCI	112
8.3.4 TIDAK MESRA PENGGUNA	113
8.4 PENINGKATAN MASA DEPAN	
8.4.1 TAMBAHAN MODUL ADMIN	113
8.4.2 PENGGUNAAN PERNYATAAN RESPONSE.REDIRECT	113
8.4.3 PENGGUNAAN CHECK BOX	113
8.4.4 PENYEDIAAN FUNGSI YANG DAPAT	
MEMBOLEHKAN PENSAYAH MEMBINA LAMAN	
WEB SENDIRI	114
8.5 CADANGAN/KESIMPULAN BAGI PROJEK	114
8.6 RINGKASAN	114

Appendix

Penggunaan komputer dalam bidang pendidikan telah membawa banyak perkembangan kepada sistem pendidikan terutamanya di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi. Banyak pakej pembelajaran dengan bantuan komputer telah direkabentuk untuk memberi faedah kepada para pelajar. Pakej pembelajaran yang baik, efektif serta mudah difahami dapat banyak membantu proses pembelajaran yang lebih cenderung ke arah 'virtual learning'.

Di dalam latihan ilmiah ini, satu sistem pengurusan kuliah berasaskan web telah dihasilkan bagi pelajar-pelajar Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Universiti Malaya. Rekabentuk antaramuka bagi sistem dimanipulasikan sepenuhnya dengan penggunaan teknologi multimedia. Sistem ini terdiri daripada dua modul yang utama iaitu modul pensyarah dan modul pelajar.

Bahagian nota kuliah di dalam sistem ini telah menggunakan implimentasi kaedah yang efektif iaitu kaedah Kepintaran buatan dalam menyampaikan kandungannya kepada para pelajar. Sistem FSKTM yang sedia ada telah dikaji dahulu dengan kaedah soal selidik sebelum sistem ini dibangunkan bagi mengenalpasti kelemahan dan meningkatkan lagi prestasi sistem pengurusan kuliah berasaskan web.

Latihan ilmiah ini dapat mengenalpasti ciri-ciri dan persoalan yang perlu diberi pertimbangan bagi merekabentuk satu sistem pengurusan yang dapat menarik perhatian para pelajar serta memupuk minat mereka untuk mendekatkan diri dengan pembelajaran bertersaskan komputer (Computer Aided Learning).

Penghargaan

Sepanjang menjalankan latihan ilmiah ini saya telah dibantu oleh pelbagai pihak. Pertama sekali saya ingin berterima kasih kepada tuhan yang memberkati saya dan saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya. Izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu dan ayah saya atas sokongan dan doa mereka yang tidak terhingga.

Seterusnya, saya ingin berterima kasih kepada kedua penyelia dan moderator saya, iaitu En. Zaidi Razak dan En. Zaily atas kerjasama dan tunjuk ajar yang saya perolehi dari mereka.

Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang sudi menyokong dan menghulurkan bantuan kepada saya tatkala saya amat memerlukannya. Antaranya, En. Satesh, Sinthamathi, Berintha Mahani, Azyati, Prema, En. Vinood, En. Chandru dan ramai lagi yang sudi memberi tunjuk ajar yang baik kepada saya serta sudi meluangkan mas mereka untuk membantu saya dan mengajar saya apa-apa yang saya tidak begitu pasti Terima Kasih.

1.0 DEFINISI PROJEK

Sistem pengurusan kuliah berdasarkan laman web merupakan satu pakej system yang dapat menguruskan perjalanan kuliah di FSKTM dengan lebih efisien dan produktif.

Teknologi multimedia juga turut diimplementasikan ke dalam laman web ini kerana ianya berupaya menarik perhatian para pelajar seterusnya dapat memperkenalkan kaedah pembelajaran/satu system kuliah yang efektif. Malahan, elemen-elemen multimedia amat sesuai bagi kaedah pembelajaran secara penerimaan dan penerokaan.

1.1 KEPENTINGAN PROJEK

Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat yang pesat maju, FSKTM mempraktikkan sistem pengurusan kuliah yang berteraskan web. Antara kepentingan-kepentingan sistem yang bakal dibangunkan adalah :

- Bagi FSKTM mempraktikkan sistem pengurusan kuliah yang berteraskan Internet. Sejajar dengan arus perkembangan teknologi.
- Sebagai menyokong langkah kerajaan yang telah mengambil inisiatif untuk merevolusikan sistem pendidikan di negara ini dengan memperkenankan komponen-komponen teknologi maklumat dalam persekitaran pembelajaran.
- Sistem ini dapat mengukuhkan serta menguruskan nota-nota kuliah.
- Memudahkan pengurusan kuliah di FSKTM.
- Sistem ini dapat memudahkan penyelarasan dan pengantaraan tugas yang diberikan kepada para pelajar FSKTM.
- Memudahkan pelajar sekaligus menjimatkan masa dari segi mengakses nota kuliah mahupun maklumat-maklumat berkaitan, khususnya dalam konteks kepenggunaan dan pembelajaran.

1.0 DEFINASI PROJEK

Sistem pengurusan kuliah berasaskan laman web merupakan satu pakej system yang dapat menguruskan perjalanan kuliah di FSKTM dengan lebih efisien dan produktif.

Teknologi multimedia juga turut diimplementasikan ke dalam laman web ini kerana ianya berupaya menarik perhatian para pelajar seterusnya dapat memperkenalkan kaedah pembelajaran/satu system kuliah yang efektif. Malahan, elemen-elemen multimedia amat sesuai bagi kaedah pembelajaran secara penerimaan dan penerokaan.

1.1 OBJEKTIF

1.1 KEPENTINGAN PROJEK

Sejajar dengan arus perkembangan teknologi, adalah wajar bagi FSKTM mempraktikkan sistem pengurusan kuliah yang berteraskan web. Antara kepentingan-kepentingan sistem yang bakal dibangunkan adalah :

- a. Bagi FSKTM mempraktikkan sistem pengurusan kuliah yang berteraskan Internet
- b. Sejajar dengan arus perkembangan teknologi.
- c. Sebagai menyokong langkah kerajaan yang telah mengambil inisiatif untuk merevolusikan sistem pendidikan di negara ini dengan memperkenalkan komponen-komponen teknologi maklumat dalam persekitaran pembelajaran.
- d. Sistem ini dapat mengukuhkan serta menguruskan nota-nota kuliah
- e. Memudahkan pengurusan kuliah di FSKTM
- f. Sistem ini dapat memudahkan penyelarasan dan penghantaran tugas yang diberikan kepada para pelajar FSKTM.
- g. Memudahkan pelajar sekaligus menjimatkan masa dari segi mengakses nota kuliah mahupun maklumat-maklumat berkaitan, khususnya dalam konteks kepenggunaan dan pembelajaran.

- 1.3 g. Mampu membenarkan proses penyelenggaraan nota kuliah pensyarah dengan sistematik, teratur dan strategik.
- h. Sistem yang 'user-friendly'.
- j. Dapat menerapkan faedah-faedah yang diperolehi daripada "Computer Aided Learning".
- 1.4 j. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang interaktif.

Pelajar (pelanggan) DAN Pensyarah (penadbir)

1.2 **OBJEKTIF**

1.5 Sistem ini dicipta untuk membolehkan pensyarah mengurus sistem kuliah

mereka dengan lebih berkesan dan lebih sistematik. Sistem ini membolehkan:-

- i. Pensyarah boleh menghantar nota kuliah dan tajuk tugas kepada pelajar-pelajar yang mengambil subjek berkenaan sahaja dengan pelajar mendaftar subjek berkenaan di bawah pensyarah yang mengajarnya.
- ii. Pelajar dapat menghantar hasil mereka melalui web (sistem ini mampu menyokong hasil tugas berkumpulan) dengan pelajar menurun muatkan perisian-perisian seperti (microsoft outlook).
- iii. Pelajar juga akan mendapat nota kuliah yang amat menarik beserta dengan fungsi-fungsi 'Artificial Intelligence'.

1.3 SKOP PROJEK

Sistem Pengurusan Kuliah Berasaskan Laman Web ini adalah khas buat para pelajar Sarjana Muda Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat serta para pensyarah FSKTM, Universiti Malaya

1.4 SASARAN

Pelajar (pelanggan) DAN Pensyarah (pentadbir)

1.5 SKEDUL PROJEK

Bagi memastikan projek dimulakan dan diakhiri dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan oleh Fakulti, sebuah skedul telah diwujudkan. Segala aktiviti yang terlibat termasuk tempoh waktu yang terlibat adalah seperti dalam jadual di sebelah:

Jadual 1.1 : Skedul projek

Carta Gantt menunjukkan keterangan lanjut berkaitan aliran dan rangka projek disertakan pada muka surat sebelah.


<u>AKTIVITI</u>	<u>TEMPOH (Minggu)</u>
1 Perancangan	1
2 Kajian literasi	6
3 Analisis sistem	7
4 Rekabentuk sistem	7
5 pengkodan	12
6 pengujian	3
7 pengubahsuaian	2
8 Dokumentasi	24

Jadual 1.1 : Skedul projek

Carta Gantt menunjukkan keterangan lanjut berkaitan aliran dan rangka projek disertakan pada muka surat sebelah.

AKTIVITI / BULAN	TEMPOH	MULA	TAMAT
PERANCANGAN	1 MINGGU	15/06/02	26/07/02
KAJIAN LITERASI	5 MINGGU	24/06/02	05/08/02
ANALISIS SISTEM	7 MINGGU	24/06/02	13/08/02
REKABENTUK SISTEM	6 MINGGU	05/08/02	09/09/02
PENKODAN	12 MINGGU	09/09/02	09/12/02
PENGUJIAN	3 MINGGU	09/12/02	30/12/02
PENGUBAHSAIAN	2 MINGGU	01/01/03	15/01/03
DOKUMENTASI	25 MINGGU	24/07/02	15/01/03

Perancangan projek memainkan peranan yang penting dalam menakrifkan skop



Rajah 1.1 : Carta Gantt

1.6 RANCANGAN KAJIAN

Perancangan projek memainkan peranan yang penting dalam manakrifkan skop sistem, mengenalpasti persekitaran yang berpotensi serta menyediakan kawalan asas bagi sistem yang dibangunkan dan juga bagi menyusun segala tugas yang perlu dilaksanakan disepanjang pembangunan sistem mengikut turutan kepentingan dan keutamaanya. Antaranya:

- i. Menjalankan kajian awal berkenaan Sistem Pengurusan Kuliah Berasaskan Web
- ii. Membuat penakrifan skop sistem seperti yang dinyatakan di atas.
- iii. Mempersembahkan analisis dan rekabentuk sistem
- iv. Membangunkan sistem dan menguji sistem tersebut
- v. Menilai serta membuat perubahan jika perlu pada sistem yang siap.

1.7 Jangkaan Hasil

'Sistem Pengurusan Kuliah Berasaskan Laman Web' berupaya membantu para pelajar dan pensyarah FSKTM melaksanakan tugas serta menguruskan sistem kuliah mereka dengan bijak., sejajar dengan perkembangan teknologi 'Multimedia Super Corridor' yang telah diperkenalkan di negara ini. Sistem ini juga haruslah berupaya menjimatkan masa para pelajar dan pensyarah haruslah membiasakan pelajar-pelajar dengan kaedah pembelajaran secara interaktif.

2.0 PENGENALAN

Kajian Literasi adalah suatu keperluan yang penting dalam usaha mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan. Kajian meliputi konsep peralatan internet, manipulasi dan pendekatan serta sebagai memenuhi keperluan dan objektif projek.

Analisis keperluan sistem iaitu keperluan fungsian dan keperluan bukan juga telah dijalankan berdasarkan maklum balas dan keputusan yang telah diperolehi dari proses pengumpulan data. Kajian literasi juga membolehkan pembangun membuat perbandingan diantara persembahan yang dibangunkan dengan persembahan yang sedia ada.

Hasil yang diperolehi akan digunakan sepenuhnya dalam fasa-fasa pembangunan sistem iaitu fasa analisis, rekabentuk, implementasi, pengujian dan penyenggaraan sistem.

Bagi tujuan ini, saya telah membaca dan mengkaji beberapa ulasan yang berhubung dengan topik-topik berikut:

- a) Kepentingan Multimedia dalam pengurusan kuliah
- b) Penilaian peralatan pembangunan sistem
- c) Kajian terhadap pakej sistem yang sedia ada
- d) Interaksi antara manusia dengan komputer
- e) Pengajaran-pembelajaran bantuan komputer

2.0 PENGENALAN

Kajian Literasi adalah suatu keperluan yang penting dalam usaha mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan. Kajian meliputi konsep peralatan internet, manipulasi dan pendekatan serta sebagai memenuhi keperluan dan objektif projek.

Analisis keperluan sistem iaitu keperluan fungsian dan keperluan bukan juga telah dijalankan berdasarkan maklum balas dan keputusan yang telah diperolehi dari proses pengumpulan data. Kajian literasi juga membolehkan pembangun membuat perbandingan diantara persembahan yang dibangunkan dengan persembahan yang sedia ada.

Hasil yang diperolehi dari kajian literasi ini akan dihgunakan sepenuhnya dalam fasa-fasa pembangunan sistem iaitu fasa analisis, rekabentuk, implementasi, pengujian dan penyelenggaraan sistem.

Bagi tujuan ini, saya telah membaca dan mengkaji beberapa ulasan yang berhubung dengan topik-topik berikut:

- a) Kepentingan Multimedia dalam pengurusan kuliah
- b) Penilaian peralatan pembangunan sistem
- c) Kajian terhadap pakej sistem yang sedia ada
- d) Interaksi antara manusia dengan komputer
- e) Pengajaran-pembelajaran bantuan komputer

Jadual 2.0.1 : Informasi-informasi bagi sistem multimedia

2.0.1 Kepentingan Multimedia dalam pengurusan kuliah

2.0.1.1 Apa itu Multimedia

Multimedia berinteraktif merujuk kepada dua atau lebih sumber media yang dikawal oleh sesuatu komputer untuk membangunkan persekitaran maklumat berinteraktif. Ia merupakan gabungan daripada perkakasan, perisian dan teknologi storan untuk membekalkan satu pengalaman yang jitu dalam aktiviti persembahan. Selain itu, ia membenarkan pengguna melibatkan diri dalam proses dan bukan lagi bertindak sebagai pemerhati sahaja. Ia merupakan paduan antara informasi-informasi berikut:

JENIS	KETERANGAN
Teks	Teks kerana ia merupakan cara yang paling efektif untuk berinteraksi antara satu sama lain. Teks mungkin terdiri daripada teks; bercetak,"Scan", Elektronik dan Hyperteks.
Grafik	Gambar mewakili ikon atau gubahan teks.
Imej	Imej tidak boleh diubah kerana ia tiada informasi struktural. Imej biasanya terdiri daripada format imej TIF
Bunyi	Terdapat tiga jenis bunyi yang digunakan dalam multimedia. Ia adalah bunyi MIDI, "waveform audio" dan

Jadual 2.0.1 : Informasi-informasi bagi sistem multimedia

2.0.1.2 Kelebihan Multimedia dalam Sistem pengurusan kuliah

Kegunaan multimedia dalam pendidikan semakin mendapat perhatian. Elemen Multimedia dapat merangsangkan deria pelajar maka, pelajar akan dapat menerima pengetahuan dengan mudah, banyak dan berkesan. Ia juga membolehkan pelajar berkomunikasi dengan komputer dan tidak hanya bertindak sebagai pemerhati sahaja. Dahulu pelajar atau pensyarah perlu mencari pelbagai sumber dan menggunakan beberapa media bagi mendapatkan informasi yang diperlukan. Penggunaan multimedia dalam bidang pendidikan kini meliputi :

- Latihan berteraskan komputer (Computer-based Training)
- Sistem-sistem rujukan
- simulasi
- persekitaran maya

Sebuah sistem multimedia merupakan sistem yang berupaya memproses data dan aplikasi multimedia. Sebuah sistem multimedia dikategorikan melalui pemprosesan, penstoran, generasi, manipulasi dan persembahan informasi multimedia. Sebuah sistem multimedia mempunyai empat kriteria asas, yakni : -

- i. Perlu bersifat '**computer controlled**' iaitu dikawal sepenuhnya oleh komputer.
- ii. Sistem-sistem multimedia adalah bersepadu '**integrated**'.
- iii. Informasi yang dikendalikannya haruslah dipersembahkan secara digital.

2.0.2 iv. Hasil antaramuka bagi persembahan multimedia adalah bersifat

2.0.2.1 Peralatan interaktif.

Ciri-ciri sebuah sistem multimedia adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

Sistem pemfailan multimedia	<i>Perlu masa nyata penghantaran media seperti aliran video/audi. Perkakasan/perisian khas diperlukan. Contoh; teknologi RAID.</i>
Perwakilan data/ format fail yang menyokong multimedia	<i>Perwakilan data/format fail perlulah mudah untuk dikendalikan dan membenarkan pemampatan/nyahmampatan dalam masa nyata.</i>
I/O yang efisien dan tinggi	<i>Input dan output ke subsistem perlulah pantas dan efisien. Perlu membenarkan rakaman masa nyata serta main semula data contoh; system rakaman terus kepada sistem</i>
Sistem pengendalian khas	<i>Membenarkan akses kepada system fail dan proses data secara efisien dan cepat. Perlu menyokong pemindahan terus ke disk, penskedulanan masa nyata, pemprosesan sampukan yang pantas dan pengaliran I/O.</i>
Sistem pengendalian khas	<i>Unit storan (50-100 Gb atau lebih) dan memori (50-100 Mb atau lebih) yang besar. Cache yang besar juga diperlukan.</i>
Sokongan rangkaian	<i>Sistem pelayan-pelanggan seperti sistem teragih</i>
Peralatan perisian	<i>Peralatan yang mesra pengguna diperlukan bagi mengendalikan media, merekabentuk dan membangunkan aplikasi serta menghantar media.</i>

Jadual 2.0.2 : cici-ciri sistem multimedia

2.0.2 Penilaian Peralatan Pembangunan sistem berasaskan web

2.0.2.1 Peralatan pembangunan sistem berasaskan web

Peralatan adalah penting dalam pembangunan perisian kerana ianya banyak membantu dalam proses pembangunan sistem. Penggunaan peralatan memastikan bahawa pembangunan sesebuah sistem adalah lebih baik, cekap, tepat, berkualiti dan dalam kos yang lebih murah dan munasabah.

Dalam aktivi pemilihan peralatan, saya telah membuat beberapa pertimbangan bagi memastikan peralatan yang dipilih itu menepati kriteria-kriteria di bawah :

a) *Persekitaran pengarangan*

Sekiranya nota kuliah berdasarkan web dibangunkan, didapati aspek yang penting dan perlu dipertimbangkan ialah fleksibiliti keinteraktifan peralatan. Ini meliputi kecekapan seperti kemudahan klik dan sentuh, input teks, 'scroll bar' dan objek bergerak.

b) *Sokongan multi-platform*

Secara am ia adalah baik sekiranya sesuatu aplikasi dibangunkan pada platform yang mana aplikasi tersebut akan dilarikan. Ia dapat mengatasi masalah yang mungkin timbul semasa pertukaran aplikasi dari satu platform ke platform yang lain.

c) *Kos*

Kebanyakan proses penghasilan multimedia memerlukan pembelian perkakasan dan perisian penajaan media 'third party'. Jika semua jenis multimedia (imej, bunyi, animasi dan video) dimasukkan, satu mesin yang lebih mahal dan berupaya diperlukan.

d) Sokongan untuk teks, grafik, animasi, video dan bunyi

2.0.3 Peralatan pengarang mesti mampu mengawal teks, grafik, animasi dan bunyi.

Jadual 2.0.2 menunjukkan jenis media yang biasa digunakan dalam aplikasi multimedia.

Jenis Media	Format Am
Imej (Grafik)	.BMP .DIB .PCX .TGA .GIF .JPG .TIF .PICT
Bunyi	.WAV .MID .SND
Animasi	.FLI .FLC .MMM
Video	.MPG .MOV .TGA .AVI

Jadual 2.0.3 : Jenis media yang digunakan dalam aplikasi multimedia dan formatnya

e) Senibina kebolehlanjutan

Kriteria ini amat penting kerana terwujudnya integrasi aplikasi multimedia dengan satu aplikasi pangkalan data.

2.0.3 Kajian Terhadap Pakej yang Sedia Ada

2.0.3.1 Tinjauan terhadap sistem sedia ada

Laman-laman web yang telah dikaji adalah seperti yang disertakan pada muka surat 16 Sehingga 20 . Kesemua laman-laman web tersebut menyediakan kemudahan kepada pelajar untuk menurun-muatkan nota kuliah danada juga yang menawarkan kemudahan muat turun soalan-soalan tugasan.

Kebanyakan laman-laman web yang telah dikaji didapati sama ada dihubungkan kepada pertunjukkan slide (slide show) dengan mennggunakan Power Point atau dengan menggunakan Microsoft Word.

Antara kelemahan-kelemahan yang dapat dikenalpasti pada laman-laman web yang dikaji adalah seperti dalam jadual pada muka surat sebelah.

I. Ketidadaan interaktif multimedia yang dapat memberangsangkan pelajar serta dapat memupuk minat para pelajar.	2.0.9
II. Tiada keupayaan untuk menghantar nota kuliah kepada pelajar.	2.0.1, 2.0.3, 2.0.4, 2.0.8
III. Ketidadaan imej grafik atau beranimasi membuatkan laman – laman web ini nampak membosankan	2.0.1, 2.0.3, 2.0.4, 2.0.8
IV. Para pelajar juga tidak dapat menghantar tugasan yang diberikan kepada mereka melalui internet	2.0.2, 2.0.8
V. Laman web tidak dapat dilayari akibat sabotaj dari pihak yang mempunyai capaian yang sah. Namun, tiada langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak pengurusan.	2.0.5
VI. Pemilihan warna latar belakang Laman web ini yang agak tidak memberangsangkan.	2.0.3, 2.0.8
VII. Laman web yang tidak dapat di akses	2.0.6

KELEMAHAN	RAJAH
<p>I. Ketiadaan intersaktif multimedia yang dapat memberangsangkan pelajar serta dapat memupuk minat para pelajar.</p> <p>II. Tiada keupayaan untuk menghantar nota kuliah kepada pelajar.</p> <p>III. Ketiadaan imej grafik atau beranimasi membuatkan laman – laman web ini nampak membosankan</p> <p>IV. Para pelajar juga tidak dapat menghantar tugas yang diberikan kepada mereka melalui internet</p> <p>V. Laman web tidak dapat dilayari akibat sabotaj dari pihak yang mempunyai capaian yang sah. Namun, tiada langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak pengurusan.</p> <p>VI. Pemilihan warna latar belakang Laman web ini yang agak tidak memberangsangkan.</p> <p>VII. Laman web yang tidak dapat di akses</p>	<p>2.0.1, 2.0.3, 2.0.4, 2.0.8, 2.0.9</p> <p>2.0.1, 2.0.3, 2.0.4, 2.0.8, 2.0.9</p> <p>2.0.1, 2.0.3, 2.0.4, 2.0.8, 2.0.9</p> <p>2.0.2, 2.0.8</p> <p>2.0.5</p> <p>2.0.3, 2.0.8</p> <p>2.0.6</p>


KELEMAHAN	RAJAH
<p>VIII. Dari segi keboleh-bacaan laman web ini juga didapati tidak mempertimbangkan atribut hurufnya iaitu ketrampilan, saiz dan warna teks adalah tidak sepadan dengan warna latar belakang laman web dan saiz teks adalah agak kecil (saiz-12 dan jenis Times New Roman) .</p> <p>IX. Tiada perbezaan yang ditunjukkan antara nota biasa dan soalan.</p> <p>X. Nota yang di muat naikan ke dalam laman web adalah berasaskan Acrobat Reader di mana tiada kemudahan menurun muatkan perisian tersebut tidak disertakan. Ini mungkin mengakibatkan kesukaran bagi para pelajar yang ingin mengakses nota kuliah tetapi tidak mempunyai perisian Acrobat Reader pada komputernya.</p> <p>XI. Laman web yang langsung tidak diselenggara / dikemaskinikan walaupun sudah lama dimuat naikan dalam internet.</p>	<p>2.0.3, 2.0.4, 2.0.8</p> <p>2.0.8</p> <p>2.0.9</p> <p>2.0.5, 2.0.7</p>

Jadual 2.0.4 : Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti pada laman-laman web yang dikaji


I. Laman web Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat Universiti

Malaya

<http://www.fsktm.um.edu.my/lecturenotes>




Rajah 2.0.1 : Nota dalam bentuk Power Point



Rajah 2.0.2 : Tutorial dalam Microsoft Word

II. Laman web subjek tamadun asia Universiti Putra Malaysia


http://www.eco1.upm.edu.my/~amin/tamadun_asia/



Rajah 2.0.3 : Nota kuliah Universiti Putra Malaysia

III. Laman web nota kuliah Universiti Arizona States University


<http://venables.asu.edu/grad/lectures.html>



Rajah 2.0.4 : Nota kuliah Universiti Arizona States University

IV. Laman web Tripod.com


<http://jalalmpc.tripod.com/elearning.htm>



Rajah 2.0.5 : Laman web tripod.com

V. Laman web members.xoom.com


<http://members.xoom.com/inet12jam/main.htm>



Rajah 2.0.6 : Laman web members.xoom.com

VI. Laman web bagi staff Universiti Utara Malaysia


<http://stafweb.uum.edu.my/~ali/nota.html>



Rajah 2.0.7 : Laman web bagi staf Universiti Utara Malaysia

VII. Laman web bagi nota kuliah Univcersiti Sains Malaysia


<http://www.hbp.usm.my/planninglaw/LectureNotes/PihakBerkuasaPerancangan.html>



Rajah 2.0.8 : Laman web nota kuliah Universiti Sains Malaysia

VIII. Laman web nota kuliah fakulti kejuruteraan Univcersiti Teknologi Malaysia

<http://www.fke.utm.my/courseware/see3223/nota.html>



Rajah 2.0.9 : Laman web nota kuliah fakulti kejuruteraan Univcersiti Teknologi Malaysia


2.0.3.2 Masalah-masalah dalam sistem-sistem yang Sedia Ada

Setelah beberapa kajian dibuat ke atas sistem yang telah sedia ada, didapati secara keseluruhannya sistem-sistem tersebut telah mencapai objektif masing-masing. Namun masih terdapat beberapa kelemahan yang diboleh dibaiki. Perbezaan utama yang timbul di antara sistem-sistem yang sedia ada adalah ialah tahap penggunaan ciri-ciri multimedia. Seperti perbezaan antara laman web nota kuliah Univcersiti Sains Malaysia (rujuk rajah 2.0.8 muka surat 19) dengan laman web nota kuliah fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (rujuk rajah 2.0.9 muka surat 20).


Kekurangan-kekurangan lain yang telah dikenalpasti adalah seperti yang telah dibincangkan dalam jadual 2.0.4 pada muka surat 15. Pada pendapat saya, elemen multimedia adalah sesuatu yang amat penting dalam memupuk minat para pelajar dalam aspek pembelajaran. Malah, sejajar dengan peningkatan teknologi, adalah wajar jika beban kerja pelajar dikurangkan dengan menghantar nota kuliah kepada mereka dan membolehkan mereka menghantar tugas melalui internet. Elemen-elemen multimedia seperti kepintaran buatan juga dapat menambah minat pelajar untuk mengulangkaji nota mereka. Dengan elemen kepintaran buatan pelajar dapat mengulangkaji disamping membuat kerja-kerja lain.

Antara laman-laman web lain yang dikaji dalam kajian literasi :


- a. Laman web 'EDUCATIONet disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di alamat URL, (<http://www.moe.gov.my>) menyediakan banyak maklumat berkenaan daya usaha para guru mempelopori Internet dalam pengajaran mereka. (rujuk rajah 2.0.10)
- b. Bagi melibatkan diri dalam perbincangan, terutamanya kepada para guru, disediakan laman web PendidikNet di URL, (<http://www.geocities.com/Athens/Oracle/1771>). Ia merupakan satu saluran komunikasi dalam talian untuk komuniti pendidik dan orang yang berminat dalam bidang pendidikan. (rujuk rajah 2.0.11)
- c. Bagi memperolehi konsep dan sumber bagi pembinaan web, laman web yang dikunjungi adalah di alamat URL, (<http://www.windweaver.com/searchpage7.htm>) web ini, menawarkan pelbagai perisian dan kemudahan dalam pelbagai aspek pembangunan laman web. (rujuk rajah 2.0.12)
- d. Laman web bertajuk "Education Index" di URL, (<http://www.educationindex.com>) menyediakan garis panduan tapak-tapak web berkaitan pendidikan/pembelajaran. Ianya diisi mengikut subjek dan paras kehidupan. Ia merangkumi banyak bidang pengetahuan seperti kimia, biologi, astronomi, farmasi dan perubatan, sejarah dan sebagainya. (rujuk rajah 2.0.13)




Rajah 2.0.10 : Laman web Kementerian Pendidikan Malaysia



Rajah 2.0.11 : Laman web PendidikNet



Rajah 2.0.12 : Laman web perisian dan kemudahan pembinaan web



Rajah 2.0.13 : Laman web Education Index

(sila rujuk bahagian rujukan untuk sumber-sumber kajian lanjutan)

Kelebihan sistem yang bakal dibangunkan

Antara kelebihan – kelebihan sistem yang bakal saya bangunkan adalah : -memahami

- i. Ia merupakan sebuah sistem yang penuh dengan elemen multimedia.
- ii. Ia mempunyai elemen ‘artificial intelligence’ – Pelajar dapat mendengar nota kuliah sambil membuat kerja-kerja lain
- iii. Pensyarah dapat menghantar nota kuliah dan tajuk tugas terus kepada pelajar yang mendaftar di bawah mereka.
- iv. Ia membolehkan para pelajar menghantar tugas mereka melalui internet.
- v. Menambahkan minat pelajar untuk menelaah.
- vi. Penyelarasan bagi laman web yang berbeza-beza bagi setiap pensyarah
- vii. Memudahkan proses penyelenggaraan oleh pensyarah.

2.0.4 Interaksi antara manusia dengan komputer

Interaksi Manusia Komputer merupakan satu disiplin yang melibatkan rekabentuk, penilaian dan pelaksanaan bagi interaksi sistem komputer untuk kegunaan manusia dengan mempertimbangkan fenomena utama yang mengelilinginya. Rajah di bawah merupakan taksonomi bagi Interaksi Manusia Komputer yang menerangkan hubungkait antara manusia dengan komputer.


Berdasarkan kepada rajah 2.0.14, taksonomi Interaksi Manusia Komputer boleh dibahagikan kepada 4 topik yang utama iaitu:

- i) **Kegunaan dan konteks komputer** dalam sebuah masyarakat. Ini termasuklah kegunaan, tanggapan, kehendak dan pandangan masyarakat terhadap teknologi komputer.

- ii) **Ciri-ciri manusia** iaitu bagaimana manusia bekerja atau berfikir dan apa yang mereka kehendaki bila berinteraksi dengan mesin. Ini termasuklah memahami bagaimana manusia memproses maklumat, menstrukturkan tindakan, berinteraksi sesama mereka dan juga mengetahui keperluan fizikal dan psikologikal mereka.
- iii) **Sistem komputer dan senibina antaramuka**, ini termasuklah jenis alat input dan output, teknik dialog, grafik komputer dan sebagainya. Komponen-komponen ini secara dasarnya akan menghubungkan antara manusia dengan mesin sama ada secara fizikal atau tidak.
- iv) **Proses pembangunan** iaitu termasuklah:
- Pendekatan rekabentuk yang akan digunakan. Ianya bergantung kepada suatu disiplin rekabentuk yang tertentu contohnya asas rekabentuk grafik, teknik analisis kerja dan teknik analisis rekabentuk dan sebagainya.
 - Perlaksanaan teknik seperti teknik prototaip, persembahan data algoritma dan sebagainya.
 - Teknik penilaian iaitu untuk menilai produktiviti, kebolehbelaajaran, kebolehgunaan dan sebagainya dengan menggunakan teknik seperti temuduga, senarai soalan dan sebagainya.

Rajah 2.0.14 : Tahap awal interaksi manusia-komputer

Kegunaan dan kandungan



Rajah 2.0.14 : Taksanomi Interaksi manusia-Komputer

2.0.5 Pengajaran-pembelajaran bantuan komputer Computer-Assisted Learning (CAL)

Di akhir tahun 50-an dan 60-an, penggunaan komputer sebagai peranti arahan hanyalah satu idea yang sedang di pertimbangkan oleh segolongan saintis dan pakar pendidikan. Pada masa itu sesetengah universiti di Amerika Syarikat telah melaksanakan idea ini. CAL didefinisikan sebagai proses pembelajaran terus yang melibatkan penggunaan komputer dan bahan pengajaran di dalam bentuk mod interaktif bagi menyediakan dan mengawal persekitaran pembelajaran setiap pelajar. Penggunaan CAL telah dipraktikkan di negara-negara baru lebih dari tiga dekad. Mod interaktif ini biasanya dipecahkan kepada 'drill dan latihan', tutorial, simulasi dan permainan dan penyelesaian masalah.

Kaedah CAL telah digunakan dalam pembelajaran yang meliputi banyak aspek dan bidang. Antara bidang yang paling banyak menggunakan CAL ialah bidang sains dan matematik. Dalam kaedah ini pelajar tidak menjadi pemerhati sahaja tetapi turut melibatkan diri. Di samping itu, kejayaan kaedah CAL digunakan dalam proses pembelajaran disebabkan komputer boleh digunakan untuk tujuan penghantaran arahan dalam semua subjek pelajaran, sebarang julat umur dan pelbagai golongan pelajar.

2.0.5.1 Ciri-ciri CAL

i) **Pendekatan satu ke satu**

Komputer menyediakan interaksi satu ke satu dalam proses mengajar. Ini membolehkan CAL digunakan untuk tujuan pembelajaran tanpa bantuan guru. Pelajar boleh membuat latihan ke atas topik-topik yang dikehendaki pada bila-bila masa sahaja.

ii) **Membenarkan interaksi dan memberikan pengalaman**

Secara tidak langsung pengguna akan menjadi pengguna yang aktif kerana mereka perlu memasukkan input dari masa ke semasa. Sebaik sahaja pengguna memberi maklumbalas, komputer akan memberikan keputusannya sama ada benar atau salah atau dengan kaedah yang berlainan. Pendekatan mengajar yang melibatkan penyertaan aktif daripada pelajar adalah lebih berkesan daripada pemerhatian pasif seperti mana yang berlaku di dalam bilik darjah. Antaranya ciri-ciri sistem bagi pengajaran-pembelajaran bantuan komputer yang baik adalah seperti mesra-pengguna, bersifat interaktif iaitu mampu memberi maklum-balas kepada pengguna, kreatif, mempunyai unsur-unsur peneguhan supaya objektif pembelajaran benar-benar tercapai, tahan lasak, tiada ralat dan yang paling utama dapat memupuk minat para pelajar untuk menelaah dan mempunyai interaksi multimedia yang memberangsangkan.

Jadual 2.0.5 : Istilah dalam Pengajaran-pembelajaran bantuan komputer.

2.0.5.2 Teks, grafik atau bunyi yang dimuatkan dalam perisian pendidikan tersebut

mestilah tidak mengganggu tumpuan pengguna. Butang-butang navigasi yang digunakan melancarkan rekabentuk antaramuka perisian. Ciri-ciri untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah antara istilah-istilah yang lazim digunakan apabila berbincang tentang soal Pengajaran-pembelajaran bantuan computer.

Computer Assisted Instruction / Computer Aided Instruction (CAI)	CAI adalah medium pendidikan dimana isi-isi pengajaran atau aktiviti pengajaran disampaikan oleh komputer. Pelajar berinteraksi dengan komputer. Maklumbalas dari komputer akan dikeluarkan berdasarkan respond yang diberi oleh pelajar. Dalam proses pengajaran ini, computer berperanan sebagai pemudahcara(pensyarah).
Computer Assisted Learning / Computer Aided Learning (CAL)	Pembelajaran Bantuan Komputer atau CAL ialah satu bentuk pembelajaran untuk menggalakkan pelajar mencari pengetahuan dengan kadar sendiri. Ia berbeza dengan cara CAI yang berdasarkan kepada respond pelajar dan maklum-
Courseware / Perisian Kursus	Menurut sumber dari laman web <i>Smart Learning System</i> oleh MIMOS, perisian kursus merujuk kepada kepada pengajaran meliputi isi kandungan dan teknik yang menggunakan arahan komputer. Ia merujuk kepada isi kandungan pengajaran yang direncanakan dimasukkan kedalam alat pengarangan seperti

Jadual 2.0.5 : Istilah dalam Pengajaran-pembelajaran bantuan komputer.

2.0.5.2 Pembelajaran Berasaskan Web (Web-Based Learning)

Pembelajaran berasaskan web merujuk kepada pengajaran yang disampaikan melalui jaringan WWW di mana bahan pengajaran adalah berlandaskan web la merupakan sistem pembelajaran yang terbuka dan fleksibel. Sistem pembelajaran berasaskan web ini mampu meningkatkan lagi minat dan motivasi pelajar untuk meneroka pengetahuan-pengetahuan baru yang tidak mungkin dapat diterima dari sebuah kelas tradisional. Contohnya, penggunaan e-mail sebagai alat komunikasi untuk bertukar-tukar maklumat dalam suasana yang tiada batasan dan dalam senario sistem pengurusan kuliah berasaskan web yang bakal dibina, pelajar akan menghantar tugasan melalui internet.

Sumber maklumat, tahap interaktiviti, pembelajaran berstruktur dan komunikasi adalah empat ciri yang sepatutnya ada dalam keperluan pengajaran dan pembelajaran. Memperolehi maklumat baru adalah sebab utama pelajar belajar. Interaktiviti pula adalah apa yang berlaku antara pelajar dan sumber pembelajaran - iaitu sama ada buku, simulasi, perbincangan mahupun program multimedia. Struktur pula memastikan fokus pembelajaran adalah selari dengan objektif atau hasil pembelajaran yang mahu dicapai. Dan sebagai tambahan, komunikasi pula memberikan impak sosial supaya pertukaran maklumat, bantuan peribadi dan motivasi berlaku.

Sebagai kesimpulannya, pembelajaran berasaskan web menggunakan corak pembelajaran secara penerokaan. Sungguhpun capaian maklumat amat senang didapati dengan menerokai dan melayari internet, maklumat tersebut tidak semestinya berilmu atau berguna.

2.1 SUMBER MAKLUMAT BAGI KAJIAN LITERASI

Sumber bagi perolehan maklumat adalah tidak terbatas. Terdapat beberapa klasifikasi sumber maklumat yang asas yakni manusia, tempat, bahan bercetak dan teknologi semasa yang semakin berkembang.

a) Bahan bercetak

Bahan bercetak adalah segala jurnal dan buku yang telah digunakan sebagai rujukan seperti majalah, buku, contoh tesis dan jurnal berkaitan.

b) Lawatan

Aktiviti ini telah dijalankan bagi memperoleh maklumat yang relevan. Bagi memperoleh sumber ini, tempat-tempat yang telah dilawati adalah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Kejuruteraan, Bilik Dokumen Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Perpustakaan Negara.

c) Internet

Melayari Internet merupakan aktiviti paling utama dalam proses mendapatkan maklumat kerana terdapat pelbagai laman web yang menyediakan informasi serta muat turun perisian yang bakal digunakan seperti ASP (Active server pages), Visual Basic, Java Coffee-Cup, Jasc animation Shop dan sebagainya. Penggunaan e-mel dan 'Internet Relay chat' juga telah membantu dalam proses mendapatkan sumber maklumat walaupun pada kadar jarak yang jauh dengan lebih berkesan.

d) Soal selidik

Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk mengumpul pelbagai maklumat serta keperluan pelajar berkaitan nota kuliah, permasalahan yang dihadapi dalam penghantaran tugas serta jenis rebaentuk laman web yang dapat menarik minat mereka serta kebaikan dan keburukan laman web yang sedia ada. Soalan – soalan yang disediakan

adalah amat mudah dan senang difahami. Borang ini telah diedarkan kepada pelajar-pelajar FSKTM dan maklum balasnya telah digunakan bagi mempertingkatkan prestasi sistem yang bakal saya dirikan. (sila rujuk Apendiks A- borang soal selidik)

2.1.1 Internet

Internet bermula di bawah Advanced Research Project Agency (ARPA) dalam tahun 60an dan dibangunkan oleh Berabek Bolt dan Newmann. Projek ini adalah di bawah pelaburan Jabatan Pertahanan U.S dan dikenal sebagai ARPANET. Ianya bertujuan membenarkan para saintis dan penyelidik berkongsi idea dengan cara yang lebih mudah dan pantas.

Pada tahun 1980, National Science Foundation (NSF) telah mencipta internet secara formal bagi mewujudkan sistem rangkaian yang lebih moden dan berkelajuan tinggi. Tetapi, ia masih mempunyai tujuan yang khusus iaitu untuk menyediakan capaian kepada empat buah komputer kerajaan. Kemudian sistem rangkaian berkembang pesat sehingga kini yang mana menyediakan perkhidmatan yang meluas dalam bidang penyebaran maklumat.

Awal 1990an krisis pengalamatan yang pertama melanda komuniti berteraskan internet. Sejak itu 'FREE SOFTWARE MOVEMENT' menawarkan pelbagai bahan yang unik seperti permainan, sistem 'windowing', 'compiler', perisian rangkaian dan juga system pengendalian bagi sesiapa yang memerlukannya, tanpa lisen beserta kod sumber yang diperlukan hanyalah capaian internet. Sejak itu internet berkembang pesat sehingga ke hari ini.

2.1.1.1 Sejarah Ringkas Internet di Malaysia

Pada tahun 1987, Rangkaian Komputer Malaysia (RangKoM) dengan kemudahan sambungan antarabangsa telah ditubuhkan. Universiti-universiti tempatan merupakan pengguna RangKoM pada peringkat awal. Ianya terus berkembang dengan sokongan dan perhatian dari pihak swasta. Tumpuan awal penggunaan RangKoM ialah pada mel dan forum elektronik. Pada tahun 1991 MIMOS membangunkan rangkaian komunikasi negara secara bersepadu dan lebih menyeluruh. JARING yang dihubungkan dengan banyak institusi penyelidikan dan akademik, serta agensi kerajaan dan swasta di Malaysia, bermatlamatkan terutamanya untuk menyokong aktiviti pendidikan, penyelidikan dan komersial. JARING juga dihubungkan kepada rangkaian Internet antarabangsa.

Bagi menampung pengguna yang semakin meningkat dan semakin memerlukan perkhidmatan terbaik, maka pada 1 November 1996, Telekom Malaysia Berhad telah memulakan perkhidmatan TMNet, sebagai Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) kedua Malaysia setelah mendapat lesen daripada pihak kerajaan.

Jadual 2.1.1 : Jenis-jenis aplikasi internet

2.1.1.2 Fakta umum Internet

Secara umumnya dalam Internet terbahagi kepada 4 jenis aplikasi :

Mel elektronik	mel elektronik adalah satu aplikasi asas dalam Internet yang memudahkan para pengguna Intenet berhubung antara satu dengan yang lain.
Rangkaian pengetahuan	Berkongsi maklumat dan membincangkan topik melalui Internet dan kumpulan akhbar Usenet.
Aplikasi capaian jauh	menggunakan fail dan data seperti aturcara, bunyi, imej, data dan teks dengan menggunakan aturcara seperti Telnet dan FTP.
Aplikasi capaian pengetahuan	dengan menggunakan perkakasan seperti Archie dan Gopher untuk mencari maklumat tertentu dalam pangkalan data di seluruh dunia.

Jadual 2.1.1 : Jenis-jenis aplikasi internet

- i. Merupakan pengangkutan yang mengangkut maklumat dan sumber dalam sesebuah komputer untuk dikongsi bersama oleh komputer-komputer lain.
- ii. Boleh digunakan untuk mencari maklumat dalam 24 jam sehari.
- iii. Pengguna boleh memilih dan mengorganisasikan maklumat dari internet berdasarkan keperluan mereka.
- iv. Boleh diakses dari pelbagai platform seperti Windows dan Unix.
- vi. Merupakan satu peralatan yang murah dan mudah digunakan.

Portal Web	Altavista - www.altavista.com/ , Excite - www.excite.com , Snap - www.snap.com , Yahoo! - www.yahoo.com , MSN Malaysia - www.msn.com.my , HotBot - www.hotbot.com , Infoseek - infoseek.go.com , Lycos - www.lycos.com ,
Komputer	IBM - www.ibm.com , Silicon Graphics' Silicon Surf - www.sgi.com , Data Fellows - www.datafellows.com , U.S.Robotics - www.usr.com , Adobe Systems - www.adobe.com , Microsoft - www.microsoft.com , Netscape - home.netscape.com
Bahan Rujukan	Britannica Online - www.eb.com/ , Information Please - www.infoplease.com , Hypertext Webster Interface - c.gp.cs.cmu.edu:5103/prog/webster , Internet Encyclopedia - clever.net/cam/encyclopedia.html

Jadual 2.1.2 : Aplikasi laman web yang telah digunakan dalam kajian literasi

2.1.1.3 Kelebihan Internet

Di bawah ini adalah kelebihan – kelebihan yang telah saya perolehi daripada kajian literasi yang dijalankan menerusi internet. Inteenet :-

- i. Merupakan pengangkutan yang mengangkut maklumat dan sumber dalam sesebuah komputer untuk dikongsi bersama oleh komputer-komputer lain.
- ii. Boleh digunakan untuk mencari maklumat selam 24jam sehari.
- iii. Penguan boleh memilih dan mengorganisasikan maklumat dari internet
- iv. berdasarkan keperluan mereka.
- v. Boleh diakses dari pelbagai platform seperti Windows dan Unix
- vi. Merupakan satu peralatan yang murah dan mudah digunakan.

vii. Membolehkan saya berinteraksi dengan pakar-pakar IT serta berkongsi

maklumat idea bersama mereka

viii. Laman-laman webnya sangat interaktif dengan kepelbagaian dari segi

animasi, teks, paparan, huruf, grafik, rajah dan video.

2.1.1.4 Perkhidmatan-perkhidmatan yang telah diperolehi daripada internet

sepanjang kajian literasi

- a) mail elektronik
- b) pemindahan fail
- c) sumber maklumat
- d) Penghasilan interaksif
- e) Paparan multimedia
- f) Berita-berita terkini
- g) Muat turun perisian

2.1.2 World Wide Web (WWW)

Salah satu pembangunan internet yang menarik dan amat berguna adalah 'World Wide Web' (WWW). Diskripsi yang paling asas bagi WWW adalah 'wide-area hypermedia information retrieval' bertujuan memberikan akses yang menyeluruh kepada dokumen. Tanggal Februari 1993 adalah tarikh Mosaic diperkenalkan oleh seorang pelajar University of Illinois yang bernama Marc Andreessen. Dengan Mosaic, pengguna sistem Macintosh, Windows, OS/2, dan UNIX tanpa mengira tahap akses Internet boleh mencapai maklumat dalam talian.

Konsep pelanggan-pelayan adalah konsep utama dalam penyebaran maklumat dalam WWW. Pada suatu ketika dahulu 'peer-to-peer' digunakan oleh semua komputer di Internet dan lain-lain jaringan data untuk berkomunikasi. Melalui WWW, pengguna membuat penyambungan ke Internet dengan menelefon pembekal akses Internet tempatan dan membawa perisian pelanggan, iaitu pelayar, ke paparan skrin. Ini memberikan suatu 'tetingkap' di skrin komputer. Melaluinya anda akan dapat melihat berjuta-juta komputer 'pelayan' yang menerbitkan maklumat dalam format WWW. Di sinilah konsep utama hyperlink digunakan. Perisian pelayar web yang terkenal sekarang ialah Netscape Navigator atau Netscape Communicator dan Internet Explorer. Keduanya menyediakan antara muka bergrafik dan multimedia.

Dengan adanya semua kemudahan yang ditawarkan oleh WWW, aktiviti harian yang merangkumi pemasaran, pengiklanan, penyebaran maklumat, penerbitan majalah dalam talian, siaran radio, video dalam permintaan (VOD – video on demand), dan siaran televisyen berbayar telah memasuki satu era baru yang menjanjikan keseronokan serta cabaran.

WWW menyediakan persekitaran untuk mempersembahkan maklumat dengan pelbagai cara yang menarik. Ia membolehkan paparan dokumen yang dibina dengan teknik yang lebih baik dari versi kertas konvensional. Paparan dokumen melalui WWW adalah interaktif berbanding dengan teknik paparan dokumen kertas. Web merupakan media berasaskan komputer yang mana membenarkan simpanan, muat turun dan akses kepada halaman yang kaya dengan maklumat melalui komputer.

Kesimpulannya, Web adalah rangkaian berteraskan internet yang membenarkan pengguna pada satu komputer mengakses maklumat yang disimpan pada komputer yang lain di dalam rangkaian seluruh dunia 'world-wide'.

2.1.2.1 Kelebihan WWW

Di bawah ini adalah kelebihan – kelebihan yang telah saya perolehi daripada kajian literasi yang dijalankan menerusi internet. Internet :-

- a. World Wide Web adalah global, persekitaran dalam mana semua maklumat (teks, imej, audio, video, perkhidmatan komputer) dapat dicapai dari internet dan boleh diakses dalam bentuk yang konsisten dan ringkas dengan menggunakan standard penamaan dan capaian.
- b. Membenarkan capaian kepada beribu-ribu komputer lain di dunia.
- c. Kesemua pelayan web menggunakan protokol/mekanisma yang sama.
- d. HTTP adalah mekanisme pengangkutan yang pantas, nyata, extensible yang boleh digunakan bagi komunikasi dalaman web.
- e. HTTPD, atau HTTP, merupakan pelayan web yang asas – menerima mesej dan membekalkan data seperti yang diminta.

- f. URL (Universal Resource Locator) digunakan untuk pengalamatan rangkaian –luas. Kesemua pelungsur internet (browser) menggunakan bahasa asas yang sama yakni – HyperText Markup Language HTML.

2.1.2.2 Rekabentuk www


Web mempunyai rekabentuk yang sangat ringkas iaitu :

- I. Pelanggan menghantar mesej ke pelayan web, yang dirujuk sebagai 'HTTP daemons' (atau HTTPD).
- II. Pelayan HTTPD bertanggungjawab untuk menghantar maklumat yang dikehendaki oleh pelanggan (juga dikenali sebagai Pelungsur internet (browser)), yang bertanggungjawab memaparkan dokumen tersebut kepada pelanggan.
- III. Mesej-mesej ini boleh viewed as short bursts – pelanggan menghantar permintaan kepada pelayan, pelayan menghantar kembali maklumat yang diminta dan sambungan tersebut berakhir.
- IV. Komunikasi ini nampaknya mudah tetapi adalah sukar untuk dijadikan transaksi jangka masa panjang., akibat pelayan tidak memegang maklumat konteks, contohnya, ia tidak perlu “mengingati” mesej-mesej yang telah diterimanya.
- V. Pelanggan web selalunya menghantar mesej HTTP, tetapi boleh juga menghantar mesej internet yang lain (contohnya, ftp, fail, 'gopher', WAIS). Pelayan tersebut boleh jadi berada di belakang 'firewall', yang mana merupakan satu cara bagi menghadkan capaian ke atas mana-mana pelayan.

VI. Pelayan boleh menyertakan 'gateway' yang membenarkannya untuk berinteraksi dengan aplikasi. 'Gateway' ini boleh jadi dalam pbagai bahasa pengkomputran, yang paling umum adalah Perl dan TCL, tetapi C dan lain-lain bahasa juga boleh digunakan.

VII. Komponen – komponen tersebut mengetahui cara-cara untuk mencari dokumen kerana kesemuanya menggunakan skema pengalamatan atau URL yang sama.

BAGAIMANA WEB BERFUNGSI



- Antaramuka pengguna
- Mendengar permintaan pengguna
- Menghantar permintaan
- Menghantar Maklumat yang diperlukan kepada pengguna
- Antaramuka pelayan
- Mendengar permintaan pengguna
- Membaca atau membentuk maklumat
- Menghantar Maklumat yang diperlukan kepada pengguna

Rajah 2.1.1: Bagaimana web berfungsi

2.1.3 Aplikasi web

Aplikasi web adalah berasaskan HTML dan pemrograman 'common gateway Interface' (GCI). Aplikasi web menggunakan protokol-protokol internet seperti TCP/IP, HTTP dan HTML bagi paparan informasi dan protokol rangkaian. Sebuah laman web boleh jadi gabungan diantara teks yang telah diformatkan, imej, grafik, audio dan video.

Aplikasi web yang tipikal akan : -

- i. Mengumpul data dari pengguna
- ii. Menghantar permintaan (request) kepada pelayan web
- iii. Larikan program pelayan yang diminta
- iv. Mempakejkan data untuk dipersembahkan dalam pelungsur web
- v. Menghantarnya kembali ke pelungsur web untuk paparan hasil bagi pengguna

2.1.3.1 Komponen aplikasi web

i. **Pelungsur web**

Satu – satunya perisian 'pre-required' (perlu sebelum aplikasi dimulakan) pada komputer pelanggan Contohnya, Internet Explorer dan Netscape Navigator.

ii. **Pelayan web**

Pelayan web memformatkan informasi yang diminta dan mempersembahkannya kepada pengguna pada pelungsur web komputer pelanggan. Ia juga menghantar mesej kepada program pelayan untuk mengambil data yang diminta. Contoh pelayan; Apache, Microsoft-IIS dan Netscape-Enterprise

iii. Program pelayan


Dalam bahagian ini logik perniagaan dan proses akan diimplimentasikan.

Program pelayan dapat dibina dalam bentuk : -

- a) Program yang boleh dilarikan, contohnya program CGI yang menggunakan Perl
- b) Skrip contohnya, ASP (Active Server Page), JSP (Java Server page) atau PHP
- c) 'Servlet' Java

Kombinasi pelbagai bentuk dapat digunakan bagi membina fungsi-fungsi yang diperlukan. Data disimpan dan diuruskan oleh sistem pengurusan pangkalan data.

Contohnya, pelayan SQL, Oracle, Sybase, Informix, DB2 dan MySQL.



Rajah 2.1.2 : Rekabentuk aplikasi web

2.2 **PERTIMBANGAN DALAM PEMBINAAN SISTEM PENGURUSAN**

KULIAH BERSASKAN WEB

